

# DARI SEBULAN KE SEBULAN

Dalam perjalannya menunaikan fardhu haji ke Mekah President Sukarno telah singgah di sini pada 18 Julai yang lalu. Dalam persinggahan itu beliau telah memberi amanahnya yang ditujukan kepada warga Indonesia khususnya di antara lain-lain beliau menasihatkan supaya warga Indonesia itu tetap bermukim di sini mencari kehidupannya. Berhubung dengan Indonesia sebuah negara merdeka, kata beliau, maka hendaklah tiap-tiap warga Indonesia itu menjaga nama baik negara itu. Walau pun orang-orang Indonesia itu berada di sini dan berkehidupan di sini tetapi hendaklah ia tetap mempunyai hati Indonesia.

Di antara pemimpin-pemimpin yang kelihatan hadir menyambut president itu ialah Dr. Burhān al-Dīn, Dato' Onn Bin Ja'far, A. Khir Johari (Setiausaha Agung UMNO), A. Hamid Jumat, A Sadiq 'Abdul Hamid, Dato' al-Sayyid Ibrāhīm al-Saqāf dan lain-lain sedang Tengku Abdul Rahman putera Yang di-Pertua Agung UMNO tidak hadir.

\*

Di dalam suatu makalahnya yang bertajuk "Hukum Sandiwara HAMKA" di antara lain-lain mengatakan bahawa ia menafikan ada berkata "Agama Islam tidak melarang apa cara pun dijalankan untuk mengutip derma bagi satu-satu kebajikan." Kalau memang HAMKA berkata begitu, katanya, HAMKA pun menyalahkan HAMKA.

Yang demikian ini disebut beliau di dalam makalahnya yang tersiar di dalam majalah Bintang dan majalah Belia tatkala tidak senang kepada bidasan Cemeti al-Farouk yang dipercayai mengutip berita itu dari Harian Utusan Melayu bertarikh 22 Jun di dalam mana HAMKA dikatakan oleh berita itu ada

menjelaskan sebagai di atas.

Hanya sanya rupanya dalam masa beliau di Malaya tidak mau atau tidak menafikan berita itu sehingga dengan kerananya bukannya sahaja Cemeti al-Farouq tetapi juga lain-lain orang telah membidas HAMKA tentang pendapatnya itu. Kerana itu sebahagian orang melihat kepada cara HAMKA marahkan Cemeti al-Farouq, memandang HAMKA gelojoh kerana sepatutnya ia menulis menafikan itu pertamanya di Utusan Melayu, kemudian di majalah Qalam sebagai jawapan kepada Cemeti al-Farouk – tidak kepada majalah-majalah lain. Orang-orang ini berpendapat HAMKA marahkan pepijat lalu bakar kelambu – pada hal ia tatkala berada di sini lebih dahulu patut bersegera menafikan berita-berita itu sebelum menyalahkannya seperti juga berkenaan dengan berita i'adah juma'at.

\*

Menurut berita akhbar harian tempatan bahawa sebuah rumah Melayu di Kampung Ru, Semarak, Pasir Puteh Kelantan telah hangus dimakan api disebabkan oleh panahan petir. Kejadian ini adalah mengingatkan orang kepada tafsiran seorang Islam yang banyak khidmatnya kepada Islam tetapi telah menumpukan perhatiannya kepada Pertubuhan Petir bahawa simbol petir itu "membawa rahmat". Petir betul atau pun petir dengan makna masih dipandang orang sebalik daripada rahmat – betulkah begitu?

\*

Dalam masa ruangan ini ditulis pilihanraya di Persekutuan Tanah Melayu sedang berjalan dan "peperangan" di antara pertubuhan-pertubuhan yang mengambil bahagian berjalan dengan hebat. Jika perang itu hanya terbit di dalam kata-mengata sahaja – itu boleh dipandang seperti perkara biasa tetapi

rupanya keadaan sekarang tidak sampai di situ sahaja kerana batu, telur dan perbuatan-perbuatan yang tidak sopan telah diucapkan dan dilakukan oleh pengikut-pengikut perikatan. "Hooliganisme" nampaknya dilakukan oleh pengikut-pengikut Perikatan terhadap lawannya sehingga ada orang berpendapat bahawa jika sekarang mereka hanya menggunakan telur dan batu untuk menyampaikan maksuda mereka maka harus pula mereka akan melemparkan bom kelak apabila mereka berkuasa kepada orang-orang yang cuba membantah maksud dan tujuan mereka.

Ini masih perkara biasa! Yang sangat menyedihkan sekarang ialah perkataan-perkataan yang menghinakan kepada agama. Perkataan-perkataan celupar telah dikeluarkan oleh orang-orang kepada agama, mencerca kepada ahli-ahli Persatuan Islam se-Malaysia (PAS) yang bertanding di dalam pilihanraya ini dengan suatu cara yang boleh disifatkan mengejek-ejek dan menunjukkan faham bahawa agama itu hanya ibadat semata – tidak boleh campur perkara siyasah negeri. Juga sehingga Yang di-Pertua UMNO sendiri, tatkala berucap mensifatkan bahawa seruan orang-orang Islam supaya memilih Islam sendiri dengan mengikut seruan Tuhan itu dipandang sebagai seperkara yang menerbitkan perjuangan dan penumpahan darah. Albar pula menyatakan bahawa Allah menegah daripada menjadikan orang-orang kafir itu hanya ditujukannya kepada penjajah sahaja, tidak disebutnya bagi tegahan memilih pemimpin kepada orang-orang kafir yang dicalonkannya.

Kalau seorang Islam berani menyelar hukum-hukum atau seruan-seruan Tuhan yang tepat daripada ayat-Nya yang termaktub di dalam al-Quran itu maka hanya satu sahaja harapan orang-orang awam berdoa mudah-mudahan ia terlepas daripada jahilnya dan insaf serta rujuk kepada seruan Tuhan dan jangan membelakangkan-Nya serta berbalik kepada-Nya.

\*

Mr. Kasman Singodimijo wakil Ketua Dua

Masyumi yang telah singgah di Singapura dalam perjalanananya balik dari persidangan *International Jurist Conference* di Athens, Greece telah dapat mengadakan ceramah-ceramahnya di Kuala Lumpur, Kelang dan Singapura. Di dalam ceramah-ceramahnya itu sebagai seorang peguam Islam yang berjiwa dan bekerja kerana Islam dengan tepat menyatakan bahawa Islam itu ialah suatu agama tidak dapat dipisahkan daripada politik.

Fahaman-fahaman yang memisahkan agama daripada politik itu adalah fahaman-fahaman dari Barat – tegasnya anjuran memisahkan agama daripada siyasah itu adalah anjuran penjajahan sebagaimana yang telah dilakukan oleh orang-orang Belanda di Indonesia dahul. Agama Islam adalah agama yang meliputi segala-galanya dan tiap-tiap pemeluknya dituntut menjadi khalifah di bumi Allah ini dan dengan sendirinya, kerana tuntutan itu, tidaklah dapat lagi pemeluk-pemeluknya dipisahkan daripada tuntutan mengadakan ketatanegaraan baginya.

Dengan fahaman ini, yang begitu juga fahaman orang-orang Islam lainnya, terang sudah bahawa Islam agama politik – agama yang tidak boleh dipisahkan daripada politik – salah sekali fahaman-fahaman anjuran daripada pertubuhan Islam di dalam pilihanraya itu hanya untuk mencari kerusi. Benar mencari kerusi tetapi kerusi itu dituntut supaya dicari.

\*

Kerajaan Perak telah mengisyiharkan iaitu mengharamkan masjid dijadikan tempat syarahan yang mengenai siyasah atau politik. Langkah yang serupa ini adalah suatu langkah yang berlawanan dengan pengajaran Islam. Kerana itu maka adalah dianjurkan bahawa tiap-tiap umat Islam, khususnya umat Islam di negeri Perak mengadakan bantahan-bantahan atas undang-undang itu sebelum lagi undang-undang itu berkuku dan digunakan pada salah tempatnya oleh orang yang bencikan kemajuan Islam.